

CNS3223

U GB 16-08 00162 BA163

bah

Wawancara - Kesatuan (EMBARGO : Untuk Siaran Selepas 9.30 Malam Ini)
PEKERJA MALAYSIA DIHASUT KERANA MENJADI SAINGAN NEGARA MAJU

KUALA LUMPUR, 16 Ogos (Bernama) -- Para pekerja Malaysia menghadapi hasutan kesatuan sekerja Barat kerana negara ini merupakan saingan kepada negara mereka dalam sektor perindustrian, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, mereka dihasut melakukan perkara-perkara yang akan meningkatkan kos pengeluaran di Malaysia supaya pelaburan kekal di negara mereka dan mengembalikan pekerjaan ke negara berkenaan seperti Amerika dan Eropah.

Katanya, sekiranya peluang pekerjaan banyak terdapat di negara mereka, mereka boleh menuntut upahan yang lebih tinggi bagi anggota mereka.

"Sebab itu mereka (kesatuan asing) seboleh-bolehnya ingin tidak ada pelaburan di Malaysia," kata Dr Mahathir dalam rancangan "Bersama Perdana Menteri" menerusi TV1 malam ini.

Perdana Menteri berkata dengan kedatangan pelabur ke Malaysia, yang kini mempunyai kelebihan kos pengeluaran yang rendah, peluang pekerjaan di negara mereka turut lenyap. -- lagi

▼16/08/15-45MST

U GB 16-08 00133 BA164

bah

Wawancara - Kesatuan 2 Kuala Lumpur (EMBARGO)

Dr Mahathir berkata atas dasar itu, kesatuan-kesatuan berkenaan tidak menunjukkan minat terhadap negara-negara yang tidak bersaing dengan mereka seperti Bangladesh.

"Sebab itu mereka tidak peduli walaupun negara-negara LDC (Least Developed Countries), yang kurang maju ini, menarik pelaburan kerana ia tidak menjejaskan pelaburan di negara-negara maju," katanya.

Perdana Menteri berkata tindakan kesatuan itu bukanlah untuk menyekat pertumbuhan ekonomi negara tetapi "mereka merancang untuk menentukan bahawa kehidupan mereka sendiri tidak terancam" oleh Malaysia.

"Ianya boleh terancam kalau pelaburan disalurkan ke negara kita dan kurang kepada negara mereka," kata Dr Mahathir.

Kekurangan pelaburan akan menjejaskan peluang pekerjaan dan menyebabkan pengangguran, yang akhirnya melemahkan usaha menuntut kenaikan gaji anggota mereka, kata beliau. -- lagi

AZG MAI

▼16/08/15-45MST

bah

Wawancara - Kesatuan 3 Kuala Lumpur (EMBARGO)

Perdana Menteri berkata : "Mereka masih ingin gaji yang tinggi supaya kehidupan mereka lebih mewah. Jadi kita adalah ancaman kepada mereka kerana peluang kerja."

Beliau berkata kesatuan berkenaan tidak akan mengenakan tekanan terhadap Malaysia sekiranya negara ini kaya kerana pengeluaran bahan mentah seperti minyak kerana "itu bukan masalah mereka".

Bagi menjamin pelaburan terus masuk ke Malaysia, Dr Mahathir berkata kerajaan perlu merancang daripada segi jangka masa panjang dan kadang-kadang perlu mengambil tindakan yang tidak begitu popular.

"Umpamanya, kalau kita kata, sepatutnya, upahan ditingkatkan dan ini baik bagi pekerja. Tetapi dalam jangka masa panjang kalau pelaburan tidak datang, upahan yang meningkat akan menjejaskan peluang kerja bagi yang lain," katanya.

Dr Mahathir berkata kerajaan memberi insentif kepada industri-industri yang mewujudkan banyak peluang pekerjaan kerana kepentingan para pekerja, dan bukannya peniaga seperti ada yang menuduh. -- lagi

▼16/08/15-53MSF

CNS3243

U GB 16-08 00109 BA166

bah

Wawancara - Kesatuan 4 (Akhir) Kuala Lumpur (EMBARGO)

Perdana Menteri berkata Malaysia sekarang tidak begitu berminat kepada industri menggunakan banyak buruh, yang bermatlamat mewujudkan peluang pekerjaan dengan meluas.

"Hari ini pengangguran di Malaysia sudah turun kepada paras empat peratus. Boleh kata tidak seorangpun yang hendak bekerja, tidak dapat kerja. Kita sudah sampai ke tahap itu," katanya.

Perdana Menteri berkata Malaysia kini beralih kepada industri berteknologi tinggi dan menggunakan banyak modal yang memerlukan pekerja lebih cekap.

Industri berkenaan akan membawa kepada peningkatan kemampuan yang akan memberi pekerja upah yang lebih, kata Dr Mahathir. -- Bernama

AZC MAI